

# Program IPT punca pengangguran?



**UIAM  
BERHUJAH**  
ISARJI SARUDIN

**I**NSTITUSI pengajian tinggi (IPT) Malaysia sedang melalui gelombang pemindahan minda, arah tuju dan autonomi selari dengan arus politik terbuka. Suasana keterbukaan ilmiah berlandaskan autonomi ini memberi kebebasan kepada masyarakat IPT mencarta hala tuju, menyuarakan pendapat, mengendalikannya program dan berinteraksi dengan masyarakat luar atau setempat secara bertanggungjawab.

Naratif baharu ini adalah antara usaha peningkatan kualiti berterusan (*Continuous Quality Improvement* atau CQI) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bertujuan melahirkan kemenjadian pelajar IPT yang seimbang dan berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Keanyakan IPT telah melaksanakan CQI melalui kerangka pembelajaran berdasarkan keberhasilan (*Outcome-based Education* atau OBE), tadbir urus yang cekap, peningkatan kemudahan infra dan infrastruktur, kelestarian keewangan, dan pembabitian industri dan masyarakat sekeliling berimpak tinggi.

Inisiatif pembangunan kurikulum yang telah direalisasikan oleh IPT pula termasuklah universiti untuk masyarakat (SULAM), pembelajaran sepanjang hayat, Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning* atau APEL) dan mikro kredensial.

Selain itu, pemindahan kredit, program hybrid, kemahiran insaniah, pembelajaran gabungan (*blended learning*), *Massive Open Online Course* atau MOOC, *E-portfolio*, Ruang Cipta (*maker space*), pensijilan digital (*digital certification*), *learning space* dan Teknologi IR 4.0.

## PENGANGGURAN MENINGKAT?

Tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa kebanyakan IPT di Malaysia bukan hanya peka dengan keperluan industri malah telah menyediakan graduan-graduan yang seimbang dan *future proof* iaitu graduan-



KEBANYAKAN IPT di Malaysia bukan hanya peka dengan keperluan industri malah telah menyediakan graduan kebolehasaran tinggi. - GAMBAR HIASAN

graduan yang mempunyai kebolehasaran yang tinggi dalam dunia kerjaya.

Bagaimanapun, masih ada lagi suara-suara sumbang yang mempersoalkan kebolehan IPT menyediakan tenaga kerja untuk industri. Keadaan ini berlaku terutamanya apabila mereka perlu memberikan justifikasi kadar pengangguran graduan yang meningkat dari 50,000 dalam tahun 2015, ke 137,400 (2017) dan 158,000 (2018).

Mungkin mereka tidak diberitahu atau mereka kurang arif tentang perkara ini. Yang kurang enak didengar ialah ada yang menyatakan kadar pengangguran graduan sekarang disebabkan pihak program akademik di IPT tidak memenuhi kehendak industri. Ruang untuk penambahbaikan sentiasa terbuka dan berterusan untuk semua pihak, namun membuat kenyataan terbuka tanpa melihat keseluruhan fakta adalah agak keterlaluan.

Semua pihak perlu ambil maklum bahawa sebelum kursus akademik ditawarkan, ia perlu mendapat khidmat nasihat wakil industri melalui beberapa tahap dan sistem kawalan dan jaminan kualiti yang ketat dan menyeluruh. Ini termasuk Jawatankuasa Kurikulum atau Lembaga di peringkat Jabatan, Fakulti, Senat, dan Lembaga Pengarah Universiti. Hampir di semua tahap, sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga perulah daripada industri.

Selapas mendapat kelulusan di tahap IPT, kesemua program akademik perlu mendapat kelulusan

akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Agency* atau MQA). Program profesional pula mesti mendapat pengesahan badan profesional seperti lembaga jurutera, perubatan atau rekabentuk. Kesemua ini membuktikan betapa ketatnya mekanisme jaminan kualiti program akademik di IPT. Oleh itu kenapa pihak IPT dipersoalkan?

## LEMAH BAHASA INGERIS

Jika diteliti daripada laporan dan penemuan kajian daripada pihak industri, kerajaan, badan bukan kerajaan dan para akademik, antara sebab utama graduan menganggur adalah kemahiran berbahasa Inggeris yang lemah, kemahiran berkomunikasi yang terhad, sikap dan perwatakan yang tiada memperlihatkan daya tahan yang tinggi, pemikiran kritis dan kreatif yang sempit, permintaan gaji yang tidak munasabah, dan kurang inovasi menggunakan kemahiran IT dan teknologi untuk penghasilan produk.

Secara kesimpulan, selain daripada isu gaji dan kemahiran penghasilan produk secara inovatif, laporan dan kajian daripada semua pihak menyatakan bahawa graduan IPT kurang kemahiran insaniah (*soft skills*), bukannya lemah kemahiran teknikal atau kemahiran keras (*hard skills*). Ini tidak sepatutnya berlaku kerana berdasarkan OBE, kemahiran insaniah adalah kemahiran yang mesti ada apabila merekabentuk kursus akademik dan perlu menjadi

salah satu hasil pembelajaran kursus atau/dan ditawarkan sebagai kursus tertentu secara berasingan.

Namun begitu, penguasaan bahasa Inggeris adalah tunjang kemahiran insaniah. Penguasaan bahasa Inggeris yang lemah dalam kalangan graduan perlu ditangani dengan segera secara sistematis dan menyeluruh.

Walaupun cuma UIAM sahaja yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan bahasa berkomunikasi manakala UTM menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, IPT awam yang lain juga menawarkan kursus Bahasa Inggeris. Kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan di UIAM ialah tiga kursus iaitu Bahasa Inggeris untuk keperluan am, Bahasa Inggeris akademik, dan Bahasa Inggeris untuk peluang pekerjaan.

Untuk Kursus Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu untuk keperluan pekerjaan di UIAM, para pelajar didedahkan dengan kemahiran-kemahiran yang dapat membantu mereka menjadi hebat dan berkecekapan dalam dunia kerjaya seperti menulis surat permohonan kerja dengan format dan keperluan industri yang sebenar, membuat *E-portfolio*, menghadiri temu duga olok-olok (*mock interview*), berkomunikasi selepas temu duga, menulis laporan, membina keyakinan dalam pengucapan awam untuk perniagaan, pengendalian dan penulisan minit mesyuarat. IPT yang tidak menawarkan kursus

ini akan menawarkan program *finishing school* yang mempunyai modul yang hampir serupa.

Isu kelemahan Bahasa Inggeris mungkin ditangani tidak lama lagi apabila Kementerian Pendidikan melancarkan Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia yang bertumpu kepada pembelajaran dan pengajaran berterusan dan bersepadu bahasa Inggeris dari pada prasekolah kepada IPTa berasaskan kerangka *Common European Framework of Reference for Languages* atau CEFR.

## JANGAN PUJAS HATI

Secara keseluruhannya, pihak IPT telah menyediakan suasana pembelajaran dan pengajaran yang kondusif bahkan telah meningkatkan ekosistem pendidikan yang menyeluruh dan lestari yang melibatkan pemegang-pemegang amanah dalam industri, kerajaan, IPT, masyarakat dan persekitaran yang digelar model *quintuple helix* bagi melahirkan graduan yang seimbang, yakni yang berilmu, beramal, beriman dan berakhlak.

Adakah IPT hari ini telah berpusing hati dengan segala pencapaian? Sudah pasti jawapan yang akan diterima ialah tidak sekali! Namun perlu diingat keadaan pasaran pekerjaan juga bergantung kepada bekalan dan permintaan.

Pengeluaran yang sentiasa meningkat saban tahun, perlu disambut dengan permintaan yang sewajarnya. Dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, (contohnya kemelesetan harga minyak dan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China) Malaysia juga terkena tempasnya.

Kesimpulannya, walaupun ada segelintir suara sumbang yang mempersoalkan usaha IPT, orang ramai perlu didedahkan dengan ikhtiar kerjasama IPT, industri, kerajaan dan masyarakat dalam memahami tanggungjawab yang perlu dipikul untuk menentukan kemenjadian pelajar dan melihat isu ini melalui kacamata warna-warna pelangi untuk diselesaikan bukan hanya daripada satu warna yang menjadi pilihan sendiri. Tepaklah dada tanyalah selera.

**PROF. DR. ISARJI SARUDIN** ialah Timbalan Rektor (Akademik dan Jaringan Industri), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).